

Jalan tengah sukar jika ucapan kebencian terus berlaku

PENYELIDIKAN menunjukkan bahawa negara yang mempunyai insiden retorik politik kebencian yang lebih banyak mempunyai tahap keganasan rumah tangga yang lebih tinggi.

Banyak kerajaan mengakui faktor yang memburukkan apabila ahli politik mengeluarkan ucapan kebencian, jadi beberapa sistem undang-undang telah meningkatkan hukuman bagi pesalah.

Malaysia tidak membezakan pesalah berdasarkan tahap pengaruh mereka, yang mungkin telah menyumbang kepada sikap acuh tak acuh yang ditunjukkan oleh ahli politik tertentu yang terus mengamalkan politik kebencian.

Namun begitu, mempromosi permusuhan dan kebencian bukanlah perkara yang dipandang ringan oleh kerajaan.

Seksyen 4 Akta Kesalahan Pilihan Raya bertujuan untuk mencegah pengundi daripada dipengaruhi untuk mengundi berdasarkan sentimen perkauman dan agama, serta melindungi orang ramai daripada permusuhan berkaitan.

Jika seseorang didapati bersalah di bawah Seksyen 4, mereka mungkin dihalang daripada mengundi, atau jika mereka dipilih sebagai wakil kepada badan perundangan, kerusi itu perlu dikosongkan.

Biarpun adanya akibat undang-undang, nampaknya parti politik telah terlibat dalam politik identiti dengan mengapi-apikan sensitiviti kaum dan agama.

Profesor Emeritus Teo Kok Seong mengaitkan ketegangan kaum dan agama kepada faktor-faktor tertentu, contohnya pertuturan memecahbelahkan dalam kalangan ahli politik tertentu.

Ini telah mempengaruhi orang ramai untuk mengamalkan sikap memusuhi kumpulan lain berdasarkan kaum, agama dan kewarganegaraan.

Ini ditunjukkan oleh penglibatan orang ramai dalam ucapan kebencian secara dalam talian, tindakan menghasut dan mengancam ketenteraman awam se-

belum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-15.

Kerajaan memahami kepentingan masalah ini, sebab itulah kerajaan cuba membentangkan Rang Undang-undang Keharmonian & Rekonsiliasi Nasional 2014.

Apabila Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan pada 2018, ia memulakan inisiatif perundangannya melalui Rang Undang-undang Anti-Diskriminasi, Rang Undang-undang Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional, dan Rang Undang-undang Jenayah Kebencian Perkauman dan Agama.

Kesemua rang undang-undang ini tidak menjadi kenyataan kerana beberapa faktor, termasuk kritikan bahawa undang-undang ini akan disalahgunakan, selain kekurangan iltizam politik untuk meneruskan perundangan itu.

Sudah tiba masanya kita beralih daripada menggunakan naratif polarisasi untuk mewujudkan Malaysia yang lebih demokratik, kerana demokrasi sebenar tidak boleh dicapai apabila orang ramai dipengaruhi oleh ketakutan dan bukannya berpandukan ilmu apabila mereka keluar mengundi.

Kita berkongsi ikatan antara satu sama lain dan mesti menghormati hak orang lain, serta mematuhi tanggungjawab kita.

Pemimpin kita boleh memimpin menerusi teladan melalui pemikiran, kenyataan dan tindakan mereka dalam perkara ini.

Jadi jalan apa yang akan kita ambil?

Saya berharap kita akan menemukan kekuatan untuk menempuh jalan tengah supaya kita boleh membina nilai-nilai bersama untuk menempa masa depan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

Dr Murni Wan Mohd Nor

Pensyarah kanan, Jabatan Pengajian Kerajaan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, serta Rakan Penyelidikan, Institut Sains Sosial Universiti Putra Malaysia